

23/06/2015 - Sesi Bersama Media Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 2

Bismillaahirrahmaanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;

YBhg. Tan Sri Ambrin bin Buang,
Ketua Audit Negara;

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan;

YBhg. Tan Sri - Tan Sri, Dato' Sri - Dato' Sri, Dato' - Dato', dan rakan-rakan media yang dihormati
sekalian.

PENDAHULUAN

1. Saya memanjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana di bawah rahmat dan inayahNya, kita masih diberi kesempatan untuk hadir bersama di majlis **Sesi Bersama Media Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 2** pada hari ini. Saya juga ingin mengucapkan selamat berpuasa Ramadhan kepada semua yang hadir.

2. Alhamdulillah, Sesi Bersama Media kali ke-2 untuk Tahun 2014 Siri 2 diadakan selepas pembentangan di Parlimen pada Isnin, 15 Jun 2015. Sehubungan itu, saya berharap agar laporan media yang menyeluruh dapat dibuat dengan mengambil kira tindakan penambahbaikan yang telah diambil oleh kementerian.

INISIATIF KERAJAAN TERHADAP LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Tindakan Proaktif oleh Kementerian

3. Saya difahamkan bahawa kementerian telah bertindak lebih proaktif bermula seawal peringkat *Exit Conference* dengan menubuhkan Jawatankuasa Siasatan, mengambil tindakan-tindakan pembetulan dan penambahbaikan prosedur. Melalui usaha-usaha ini, saya dapat melihat tahap kesedaran dan komitmen di kalangan pegawai awam berhubung dengan Laporan Ketua Audit Negara telah meningkat ke tahap yang lebih baik.

Inisiatif Peningkatan Kompetensi dan Integriti

4. Usaha-usaha untuk meningkatkan kompetensi pegawai terus dilaksanakan menerusi penganjuran kursus-kursus persijilan dan pentauliahkan seperti Kursus Persijilan Pengurusan Projek Awam Bersepadu (3PAB), Kursus Sijil Pentauliahkan Perolehan Kerajaan dan program Persijilan Pegawai Integriti Bertauliah Atau *Certified Integrity Officer* (CeIO). Di samping inisiatif-inisiatif tersebut, Kerajaan akan terus komited dalam meningkatkan integriti dan akauntabiliti dengan memfokuskan kepada ketelusan dan keberhasilan (*outcome-based*).

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara/*Public Accounts Committee* (PAC)

5. Bagi memantapkan lagi usaha-usaha mengambil tindakan terhadap teguran Laporan Ketua Audit Negara, selaras dengan Arahan Perbendaharaan 304 (b), Ketua Setiausaha Perbendaharaan telah meminta semua Pegawai Pengawal (Ketua Setiausaha Kementerian) yang terlibat dengan syor *Public Accounts Committee* (PAC) agar mengambil tindakan dan seterusnya melaporkan semula kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan sekiranya Ketua Setiausaha Perbendaharaan berpuas hati, laporan akan diangkat kembali kepada PAC.

6. Pada masa yang sama, PAC juga secara konsisten memberikan teguran-teguran dan pandangan yang mana teguran serta pandangan ini turut diambil kira dalam siasatan terhadap penjawat awam yang terlibat dalam pelanggaran peraturan. Untuk itu, saya berterima kasih kepada semua pegawai yang telah mengambil tindakan ke atas laporan dan syor PAC.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014 SIRI 2

7. Seperti yang kita semua sedia maklum, Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 2 telah dibentangkan di Parlimen pada 15 Jun 2015. Dalam laporan tersebut, terdapat **635 teguran** iaitu **17 teguran punitive** dan **618 teguran corrective**. Teguran *punitive* (hukuman) melibatkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiannya pelaksanaan tugas manakala teguran *corrective* (pembetulan) menjurus kepada penambahbaikan sistem dan prosedur dalaman.

Teguran Punitive LKAN 2014 Siri 2

8. Teguran *punitive* tersebut melibatkan **2 Kementerian, 3 Badan Berkanun Persekutuan/Syarikat Kerajaan Persekutuan dan 2 Kerajaan Negeri**.

9. **Teguran punitive** terhadap **2 kementerian** melibatkan agensi di bawah **Kementerian Pendidikan** dan **Jabatan Perdana Menteri (JPM)**. Teguran-teguran bagi **Kementerian Pendidikan** adalah meliputi kes:

- i. **Pengurusan Penyenggaraan Bangunan Dan Fasiliti di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Gaya, Sabah;**
 - ii. **Perolehan Peralatan ICT di Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset dan Pejabat Pendidikan Daerah Kulim Bandar Baharu, Kedah;**
 - iii. **Pengurusan Perolehan Peralatan Akademik Politeknik di Politeknik Sandakan, Sabah (PSS);** dan
 - iv. **Pengurusan Pembangunan Politeknik Premier di Politeknik Sultan Abdul Aziz Shah, Shah Alam dan Politeknik Ungku Omar, Ipoh.**
10. Seterusnya **1 teguran punitive** yang melibatkan agensi di bawah **JPM** adalah **Pengurusan Penyenggaraan Kapal/Bot di Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)**.

11. Bagi **Badan Berkanun Persekutuan, Syarikat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri**, senarai tegurannya adalah seperti berikut:

Badan Berkanun Persekutuan/Syarikat Kerajaan Persekutuan

- i. **Pengurusan Perolehan** di **Universiti Pertahanan Nasional Malaysia**;
- ii. **Pengurusan Rangkaian Hotel Seri Malaysia** di **Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.**; dan
- iii. **Pengurusan Syarikat** di **Syarikat Akademi Binaan Malaysia** (merupakan anak syarikat Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB Holdings Sdn. Bhd) yang dimiliki sepenuhnya oleh CIDB)

Kerajaan Negeri

- i. **Pengurusan Perolehan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** di **Negeri Pahang**; dan
- ii. **Pengurusan Perolehan** di **Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan**

Tindakan Susulan Ke Atas Teguran *Punitive* LKAN 2014 Siri 2

12. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan **5 Jawatankuasa Siasatan (JKS)** bagi menyiasat sebanyak **9 teguran *punitive*** yang melibatkan **2 kementerian** iaitu **Kementerian Pendidikan (8 teguran)** dan **Jabatan Perdana Menteri (1 teguran)**.

13. Sehingga 22 Jun 2015, **Jawatankuasa Siasatan** telah mendapati **2 teguran *punitive*** melibatkan kerugian di pihak Kerajaan berjumlah **RM166,259**^[1] manakala teguran-teguran lain tidak melibatkan kerugian kewangan sebaliknya kesalahan-kesalahan tersebut adalah akibat ketidakpatuhan kepada peraturan kewangan. **Jawatankuasa Siasatan** juga telah mengenal pasti **18 pegawai**^[2] bagi diperakukan tindakan tatatertib.

14. Seterusnya, bagi **8 teguran punitive** yang melibatkan Badan Berkanun/Syarikat Persekutuan dan Kerajaan Negeri, Jabatan Audit Negara telah mengarahkan agensi terbabit untuk menjalankan siasatan dan mengemukakan siasatan selewat-lewatnya pada 12 Julai 2015.

Tindakan Susulan Ke Atas Teguran Corrective LKAN 2014 Siri 2

15. Bagi **618 teguran corrective, 49.0%** atau **303 teguran** telah selesai diambil tindakan penambahbaikan oleh kementerian/agensi yang berkenaan manakala **51.0%** atau **315 teguran** masih dalam tindakan kerana teguran-teguran tersebut melibatkan kajian dan pindaan kepada peraturan-peraturan berkaitan. Status tindakan ini dipantau melalui *Dashboard* Jabatan Audit Negara.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014 SIRI 1

Status Teguran Punitive (sehingga 22 Jun 2015)

16. Ingin juga saya memaklumkan bahawa bagi **Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 1**, kesemua **6 teguran punitive** telah **selesai disiasat** iaitu:

- a. **Kes Pengurusan Prasarana dan Kemudahan Wisma Transit Kuala Lumpur di Kementerian Pertahanan, 2 pegawai** telah **dimulakan prosiding** di mana penentuan hukuman akan dipertimbangkan oleh Lembaga Tatatertib pada **26 Jun 2015**.
- b. **Kes Pengurusan Perolehan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, seramai 30 pegawai** sedang dalam proses untuk diambil tindakan tatatertib jika terdapat bukti yang mengaitkan ketidakakuran tersebut dengan salahlaku pegawai dalam pengurusan perolehan tersebut.
- c. Kes-kes melibatkan **Projek Infrastruktur Jalur Lebar Untuk Orang Ramai (BBGP) Di Sabah Dan Sarawak di Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Pengurusan Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia di Kementerian Pertahanan, Pengurusan**

Perolehan Perabot Bagi Pembangunan Semula Kem Pasukan Gerakan Am di Kementerian Dalam Negeri dan Pengurusan Perbadanan Nasional Berhad telah selesai disiasat dan didapati tiada sebarang ketidakakuran atau ketidakaturan dalam proses perolehan berkaitan yang disebabkan oleh salahlaku mana-mana pegawai yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan projek tersebut. Oleh itu, tiada keperluan untuk tindakan tatatertib.

Status Teguran Corrective (sehingga 22 Jun 2015)

17. Bagi **313 teguran corrective, 43.45%** atau **136 teguran** telah selesai diambil tindakan penambahbaikan oleh kementerian/agensi yang berkenaan dan **56.55%** atau **177 teguran** masih dalam tindakan kerana teguran-teguran tersebut melibatkan kajian dan pindaan kepada peraturan-peraturan berkaitan.

PENUTUP

18. Sama seperti sesi yang lepas, semua Ketua Setiausaha dan Ketua Jabatan yang berkenaan ada bersama-sama saya pada hari ini, untuk memberi penjelasan kepada pihak media mengenai tindakan susulan daripada Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 2 dan persoalan-persoalan yang dibangkitkan (jika ada).

Sekian,

WabillahiTaufikWalhidayah Wassalaamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh.

©2015 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://www.pmo.gov.my/ksn/home.php?frontpage/speech/detail/2018>